

24 OCT 1997

Mahathir-Ringggit

KEJATUHAN RINGGIT SELEPAS BELANJAWAN TAK MENGHAIRANKAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Wan A Hulaimi

EDINBURGH, 24 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak hairan nilai ringgit terus susut walaupun Belanjawan 1998 yang diumumkan Jumaat lepas mengandungi beberapa langkah untuk mengembalikan keyakinan pelabur.

Perdana Menteri berkata ini kerana kemerosotan nilai ringgit berbanding dolar Amerika disebabkan oleh spekulator mata wang yang mahukan keuntungan segera dan tidak ada kaitan langsung dengan belanjawan kerajaan, asas ekonomi atau kurangnya keyakinan mereka terhadap Malaysia.

Ketika berucap kepada pelajar-pelajar Malaysia di sini pada Khamis, Dr Mahathir berkata bahawa tidak seperti syarikat-syarikat multinasional yang melabur untuk jangka panjang, spekulator mata wang tidak mempunyai kepentingan di Malaysia.

Kepada soalan seorang pelajar yang ingin tahu kenapa nilai ringgit terus jatuh walaupun selepas Belanjawan, Dr Mahathir berkata : "Kita tidak hairan mata wang itu terus jatuh walaupun selepas Belanjawan diumumkan. Ini bermakna mereka (spekulator mata wang) telahpun membuat keputusan mengenai apa yang perlu dibuat."

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 1998 di Parlimen minggu lepas mengumumkan langkah-langkah untuk mengukuhkan asas ekonomi termasuk mengurangkan defisit akaun semasa dan menangguhkan beberapa projek mega bernilai lebih RM65 bilion, menstabilkan pasaran kewangan serta meneruskan lagi deregulasi dan liberalisasi ekonomi.

Dr Mahathir, yang berada di sini untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) ke-31, menyebut dua faktor -- tamak dan takut -- yang menyebabkan nilai ringgit jatuh.

Beliau berkata sifat tamak menyebabkan seseorang itu menjadi spekulator mata wang, dan mereka akan menjual apabila ringgit akan jatuh kerana mereka bimbang nilainya akan merosot.

"Jadi, antara tamak dan takut, nilai ringgit yang susut. Ia menjejaskan bukan saja Malaysia tetapi juga Hong Kong, Taiwan dan Australia," katanya.

Hakikat bahawa mereka (spekulator) mengaut keuntungan dengan menjadikan orang lain miskin, langsung mereka tidak peduli, kata Dr Mahathir.

Semasa ditanya sama ada Brunei yang belum terjejas oleh spekulasi mata wang, akan membantu Malaysia, Dr Mahathir menjawab : "Cara mata wang diurus niaga ialah jika seseorang peniaga mata wang itu mempunyai US1 bilion dan dia menyimpannya dalam bank perdagangan, dia mempunyai akses kepada US\$20 bilion.

"Sebaliknya pula, negara-negara yang terjejas tidak mempunyai wang sebanyak itu. Peniaga mata wang mempunyai akses kepada US\$100 bilion. Bank-bank pusat di Asia Tenggara tidak mempunyai akses kepada wang sebanyak itu sekalipun jika semua negara itu bergabung."

Beliau mengulangi saranannya supaya urus niaga mata wang dikawal selia.

"Ia harus terbuka...Kita perlu ada pasaran terbuka agar seseorang itu menyatakan jumlah yang hendak diniagakannya," kata beliau.

Merujuk kepada spekulator mata wang dari Amerika, George Soros, orang yang beliau tuduh menyerang mata wang Asia Tenggara, Dr Mahathir berkata : "Dia kata dia tidak buat. Tiba-tiba saja dia ada US\$500 juta yang dia hendak berikan kepada Rusia. Dari mana dia dapat wang itu."

Perdana Menteri berkata beliau membidas spekulator mata wang secara terbuka, tetapi malangnya, setiap kali beliau bersuara, mereka menjual lebih banyak ringgit, yang nilainya merosot lebih 20 peratus berbanding dolar Amerika sejak 20Julai lepas.

Kepada soalan seorang pelajar kenapa Malaysia sentiasa menjadi sasaran

serangan spekulator, beliau berkata : "Malaysia menerima padahnya kerana saya sentiasa bersuara."

"Yang lain membisu. Ibarat duduk senyap dalam sangkar harimau sambil berharap harimau itu tidak membahamnya."

Dr Mahathir berkata terdapat negara miskin yang mata wangnya tidak jatuh, tetapi mereka memilih Malaysia kerana ia kaya, "walaupun mereka kata asas kita tidak kuat, yang bermakna kita tidak menguruskan negara kita dengan baik."

"Jika kita miskin sampai papa kedana, mereka tidak mengganggu kita sangat. Jadi, jika kita hendak menggoncang sesuatu mata wang, kita goncang mata wang mereka yang sememangnya kaya."

Kepada satu soalan sama ada Malaysia menetapkan keutamaannya dengan betul, Dr Mahathir menjawab : "Mereka juga mengkritik projek yang dikatakan mega."

Beliau berkata bahawa sebelum mereka menjadikan Malaysia miskin, Malaysia mempunyai wang untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

"Sudah tentu mereka mengkritik kita kerana membina bangunan paling tinggi di dunia. (Kononnya) kurang bijak bagi kita membina bangunan paling tinggi di dunia. Alasannya ialah kita tidak sepatut melakukannya," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa di Malaysia dengan kos tenaga kerja yang rendah, belanja bagi membiayai projek sedemikian tidaklah besar.

Sebagai contoh, beliau menyebut mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC), yang memberi tumpuan kepada pembinaan infrastruktur sebagai pusat multimedia dan yang dapat menarik minat pelbagai pihak dari seluruh dunia yang akan membayar untuk menggunakan kemudahan di situ.

"Ia tidak sama macam Silicon Valley. Di Silicon Valley, orang Amerika sendiri membinanya. Ia (MSC) akan mewujudkan pekerja bagi kita, jadi tidak betullah untuk mengatakan MSC ialah satu projek mega. Ia bukan (projek mega).

Beliau berharap rakyat Malaysia mengamalkan disiplin dan membeli barangan tempatan seperti kereta Proton bagi mengelak kemelesetan.

Dr Mahathir berkata kemelesetan boleh mengakibatkan pemberhentian kerja disebabkan oleh penurunan nilai ringgit dan kenaikan harga barangan import.

"Dengan disiplin, kita boleh. Jika kita biarkan mereka lakukan sesuka hati, kemelesetan akan berlaku," katanya. -- BERNAMA

WAH ZS MAI